

# Malaysia tidak akan minta maaf: PM

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia tidak akan meminta maaf kepada kerajaan Filipina berhubung isu penahanan kira-kira 1,000 rakyat negara itu dalam kawasan gereja minggu lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, operasi pemeriksaan ke atas rakyat asing itu juga dibuat ke atas bangsa lain termasuk rakyat asing beragama Islam, maka tidak ada sebab bagi kerajaan untuk me-

minta maaf.

"Kita tidak ada sebab untuk meminta maaf... kerana operasi itu dibuat ke atas semua rakyat asing yang disyaki memasuki negara ini secara haram. Ia juga turut dijalankan ke atas rakyat asing beragama Islam.

"Hanya secara kebetulan penahanan rakyat Filipina itu dibuat di sebuah gereja. Hasilnya kerajaan dicap sebagai tidak bertimbang rasa terhadap rakyat bukan Islam.

"Sekiranya ia dilakukan ke atas pendatang asing

Islam yang sedang tidur di kawasan masjid, sudah tentu tiada sesiapa pun akan membuat bantahan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri anjuran Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, malam ini.

Minggu lalu, Jabatan Imigresen dengan kerjasama Pasukan Polis Hutan (PPH) dan Unit Direktorat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menahan kira-kira 1,000 rakyat Filipina yang bekerja sebagai pembantu

rumah di sebuah gereja.

Tindakan itu menyebabkan beberapa media asing menyifatkan sebagai menekan orang Kristian. Berikutan itu, pegawai kanan Kedutaan Malaysia di Filipina dipanggil oleh Menteri Luar Filipina, Roberto Romulo, untuk memberi penjelasan.

Difahamkan, daripada 1,000 yang diperiksa itu, 711 orang didapati tidak memiliki dokumen perjalan sah dan dibawa ke Jabatan Imigresen untuk pemeriksaan terakhir.